

SPP UPSI BIL. 5 TAHUN 2011

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Prof./Tuan/Puan,

Syarat Dalaman Bagi Pengesahan Dalam Jawatan Kakitangan UPSI

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa kakitangan yang masih belum disahkan dalam jawatan adalah diwajibkan untuk memenuhi syarat-syarat umum dan syarat-syarat tambahan bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.
3. Syarat-syarat pengesahan dalam jawatan yang sedia ada adalah seperti maklumat di bawah:

3.1 Syarat-syarat umum pengesahan dalam jawatan:

Kumpulan Sasaran	Syarat-syarat Umum	Rujukan
Kakitangan UPSI bertaraf tetap	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memenuhi tempoh percubaan 1 – 3 tahun 2. Hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan (jika berkaitan) 3. Diperakukan oleh Ketua Jabatan 	Pekeliling-pekeliling Kerajaan yang sedang berkuat kuasa

3.2 Syarat dalaman pengesahan jawatan kakitangan UPSI:

Kumpulan Sasaran	Syarat-syarat Tambahan	Rujukan
Guru & Kakitangan Bukan Akademik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghadiri dengan jayanya kursus BITARA 2. Menghadiri dengan jayanya kursus Bahasa Inggeris – <i>Let's Speak English</i> 3. Bagi kumpulan Guru, perlu lulus <i>Placement Test</i> dan jika gagal atau tidak hadir perlu menghadiri kursus <i>Let's Speak English</i> 4. Memperolehi prestasi tahunan terkini sekurang-kurangnya 75% 	MPE 13/2008
Pensyarah Universiti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) untuk DS45 dan DS51 2. Telah menjalankan penyelidikan sendiri atau menghasilkan penerbitan yang berkaitan dengan bidang kepakaran. Penyelidikan mesti dilaksanakan melalui: <ol style="list-style-type: none"> 2.1 Satu nama – satu Penyelidikan/Penerbitan 2.2 Lebih daripada satu nama – dua (2) penyelidikan/ penerbitan 3. Menghadiri dengan jayanya kursus BITARA 4. Perlu lulus <i>Placement Test</i> dan jika gagal atau tidak hadir perlu menghadiri kursus <i>Let's Speak English</i> 5. Memperolehi prestasi tahunan terkini sekurang-kurangnya 75% 6. Telah mendaftar untuk pengajian di peringkat PhD dalam bidang yang berkaitan (bagi Pensyarah DS45 – Kuat kuasa 1 Mei 2011) 	<p>MPE 18/2008</p> <p>MPE 25/2002</p> <p>MPE 09/2011</p> <p>Surat Arahan Jabatan Pengajian Tinggi KPTM</p>

4. Melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bilangan 9 Tahun 2011, telah memutuskan syarat dalaman pengesahan jawatan bagi Pensyarah Universiti Gred DS45 dipinda dengan membuat penambahan syarat seperti Perkara 6 di dalam jadual di atas yang berkuat kuasa mulai **1 Mei 2011**.
5. Sehubungan itu, kakitangan yang masih belum disahkan dalam jawatan perlu melengkapkan terlebih dahulu syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam jadual bagi tujuan untuk pengesahan dalam jawatan.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN GEMILANG MENUJU WAWASAN"

Yang benar,

(DATO' RUSLEY BIN TAIB)

Pendaftar

Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)